

## KHUTBAH JUMAAT

### “AUDIT DIRI MENUJU REDA ILAHI” (24 April 2026M/ 6 Zulkaedah 1447H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا، وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْ لَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa merupakan sebaik-baik bekal dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Orang yang bertakwa ialah mereka yang sentiasa sedar bahawa setiap amal perbuatannya akan dipersoalkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* pada hari perhitungan kelak.

Berikan tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari perkara-perkara *lagha*, berbual-bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih kesempurnaan ganjaran solat Jumaat yang dijanjikan. Pada

hari yang berkat ini, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk “**Audit Diri Menuju Reda Ilahi**”.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Para ulama mengingatkan kita sebagai seorang muslim agar sentiasa melakukan muhasabah diri. Daripada Syaddad bin Aus *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ ))

**Maksudnya:** Orang yang cerdas, siapa yang merendahkan dirinya dan beramal untuk bekalan selepas mati. Sedangkan orang yang lemah, siapa yang mengikut hawa nafsunya dan hanya bercita-cita kepada Allah.

(Hadis riwayat Imam al-Tirmizi)

Syeikh al-Mubarakfuri *rahimahullah* dalam menjelaskan hadis tadi berkata bahawa orang yang cerdas iaitu orang yang sentiasa memuhasabah dirinya di dunia sebelum dia dihisab di akhirat. Diriwayatkan bahawa Saidina Umar bin al-Khattab *radiallahu anhu* pernah berkata:

(( حَاسِبُوا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسَبُوا وَتَرْزَيْتُوا لِلْعَرَضِ الْأَكْبَرِ وَإِنَّمَا يَخْفُ الْحِسَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى مَنْ حَاسَبَ نَفْسَهُ فِي الدُّنْيَا ))

**Maksudnya:** *Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisab. Dan berhiaslah untuk hari pembentangan yang agung. Sesungguhnya ringanlah penghisaban di hari Akhirat bagi sesiapa yang telah menghisab dirinya di dunia.*

*(Riwayat Imam at-Tirmizi)*

Pesanan ini mengingatkan kita bahawa setiap manusia perlu sentiasa menilai dirinya sendiri. Kita menilai amalan yang telah kita lakukan, amanah yang kita pikul dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada kita. Sesungguhnya, setiap manusia memegang amanah dalam kehidupannya. Amanah sebagai ketua dalam keluarga, amanah dalam pekerjaan, amanah dalam menguruskan tanggungjawab dan amanah dalam menguruskan harta. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa ayat 58:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*

Ayat tadi mengingatkan kita bahawa amanah hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan tidak boleh disalahgunakan untuk kepentingan diri sendiri.

Dalam kehidupan manusia, kita sering melakukan semakan dan penilaian bagi memastikan sesuatu urusan dilaksanakan dengan baik dan teratur. Begitu juga dalam kehidupan seorang Muslim, kita perlu sentiasa melakukan audit diri, iaitu menilai amalan, sikap dan tanggungjawab yang kita pikul dalam kehidupan.

Setiap harta yang kita peroleh, setiap jawatan yang kita pegang dan setiap amanah yang kita laksanakan akan dipersoalkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* pada hari akhirat kelak.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sempena sambutan ulang tahun penubuhan Jabatan Audit Negara yang telah menjangkau lebih satu abad, usaha memperkukuh tadbir urus, integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan negara wajar dihargai kerana ia membantu memastikan setiap dana awam diurus dengan penuh amanah demi kesejahteraan rakyat. Hakikatnya, setiap usaha yang bertujuan memelihara amanah, menegakkan ketelusan dan mencegah penyelewengan merupakan nilai yang sangat selari dengan tuntutan Islam.

Namun, kita perlu menyedari bahawa di sebalik segala sistem semakan dan pengauditan di dunia, setiap manusia sebenarnya sedang menuju kepada satu audit yang jauh lebih teliti, iaitu perhitungan di hadapan Allah *subhanahu wata'ala* pada hari akhirat

kelak. Ketika itu, setiap amanah, setiap harta dan setiap tanggungjawab yang kita pikul akan dipersoalkan tanpa ada sesuatu pun yang dapat disembunyikan daripada pengetahuan-Nya.

Oleh itu marilah kita bersama-sama mulai saat ini memperbaharui tekad dan melakukan audit diri, memperbaiki kelemahan, meluruskan niat dan memastikan setiap amanah dalam kehidupan dilaksanakan dengan penuh kejujuran dan tanggungjawab demi memperoleh reda Allah *subhanahu wata'ala*.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting:

**Pertama:** Umat Islam hendaklah sentiasa bermuhasabah dan melakukan audit diri.

**Kedua:** Setiap amanah dalam kehidupan hendaklah dilaksanakan dengan penuh integriti kerana ia akan dipersoalkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* pada hari akhirat kelak.

**Ketiga:** Kita hendaklah sentiasa memastikan setiap urusan kehidupan dilakukan secara telus, jujur dan bertanggungjawab demi memperoleh reda Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hasyr, ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ  
إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ (١٨)

**Maksudnya:** *Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita mendapat berkat. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

(( أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ... ))

**Maksudnya:** *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

Hindarkanlah diri dan keluarga kita daripada segala perkara yang boleh memudaratkan seperti penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya

membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

**Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim,** bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

**Ya Allah, Ya Ghaffaar,** ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

**Ya Allah,** Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

**Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim,** berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

**Ya Allah, Ya Hafiz,** Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal

Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesehatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.